

03/04/1997

Petronas bina laluan kereta api

Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Rabu - Kerajaan Pahang dimaklumkan Petroleum Nasional Berhad (Petronas) akan melaksanakan segera pembinaan laluan baru perkhidmatan kereta api menghubungkan Kuantan dengan Kemaman dan Kertih di Terengganu kerana kawasan itu berkembang pesat sebagai Koridor Perindustrian Pantai Timur berasaskan petrokimia.

Keperluan terhadap kemudahan perkhidmatan kereta api itu wajar kerana kompleks petrokimia di sepanjang koridor terbabit memerlukan sistem pengangkutan yang cekap, sekali gus memudahkan mereka menghantar bahan mentah dan produk yang dihasilkan kepada kilang petrokimia lain.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata perkembangan berhubung perkara itu dimaklumkan dalam taklimat membabitkan pegawai kanan Petronas dengan kerajaan negeri, bulan lalu.

Menurutnya, kerajaan negeri menyokong usaha Petronas mewujudkan perkhidmatan kereta api menghubungkan Kuantan-Kemaman-Kertih bagi membolehkan lebih banyak perhubungan dua hala, terutama dalam industri petrokimia.

"Kompleks petrokimia bermula dari Kuantan hingga ke Kertih mengeluarkan pelbagai produk berlainan dan keperluan sistem pengangkutan yang sempurna adalah wajar, bagi memudahkan penghantaran barangan kimia dan produk yang diperlukan kilang lain.

"Kita dimaklumkan Petronas akan membina kemudahan itu secepat mungkin dan kerajaan negeri menyokong projek ini kerana ia memberi kesan baik ke arah kepesatan kegiatan petrokimia di Pantai Timur," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan lalu, berkata laluan kereta api khusus bagi menghubungkan Kuantan dengan Kertih di Terengganu, untuk mengangkut barangan mentah bagi keperluan industri dan penumpang, akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Dr Mahathir berkata, Petronas dan KTM Berhad akan membincangkan urusan berkaitan pelaksanaan projek itu, yang dianggap penting bagi mengangkut bahan mentah untuk keperluan industri petrokimia, selain mengatasi kesesakan lalu lintas dan menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

Mohd Khalil berkata, kerajaan negeri juga tidak menghadapi masalah berhubung pengambilan tanah kerana pampasan akan dibayar kepada mereka terbabit, selain peruntukan undang-undang membenarkannya untuk kepentingan umum.

(END)